

19 MAY 2002
Samy-India/I
KAUM INDIA PERLU TERIMA PERUBAHAN

SHAH ALAM, 19 Mei (Bernama) -- Kaum India di negara ini perlu bersedia menerima perubahan dan mempersiapkan diri untuk berubah, kata presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Katanya mereka perlu melahirkan pekerja yang mampu bekerja sendiri dan tidak bergantung kepada mana-mana pihak dalam memenuhi tuntutan ekonomi moden sambil mengambil kesempatan daripada kemajuan bagi membentuk generasi yang terdiri daripada manusia yang pintar.

"Untuk berjaya dalam K-ekonomi, kita perlu mewujudkan dan memperkukuhkan modal sosial dalam masyarakat. Kita perlu mencapai suatu tahap yang membolehkan kita menjadi masyarakat yang kreatif dan inovatif. Kita mesti melabur semula dalam institusi baru perpaduan sosial dan kemajuan," kata beliau.

Samy Vellu berkata demikian semasa berucap pada perhimpunan agung tahunan MIC yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di sini.

Katanya melalui penubuhan Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia, MIC akan terus memberi sumbangan secara berkekalan ke arah melahirkan pekerja yang berilmu di Malaysia.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir dan kerajaan kerana telah memberi peruntukan sebanyak RM50 juta bagi menjayakan projek universiti parti itu.

"Kita juga amat menghargai pengorbadanan beribu-ribu anggota parti kita yang telah menyumbang kepada tabung bangunan universiti berkenaan," katanya.

Samy Vellu turut memberi penghormatan kepada perdana menteri yang disifatkannya baru sahaja pulang daripada mengadakan pertemuan bersejarah dengan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush dan para anggota kanan pentadbirannya di Washington D.C.

"Beliau tidak pergi berseorangan ke Washington tetapi dengan sokongan penuh lebih 100 negara," katanya.

Sebagai pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali, Dr Mahathir telah membawa mesej jelas bagi keamanan dunia dan hak rakyat Palestin serta golongan lain yang menjadi mangsa penindasan selama beberapa dekad, kata Samy Vellu.

-- BERNAMA
SR SR JK SP RON